



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 9(63)
Tarikh : 18 Mac 2024

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2024**

**GARIS PANDUAN PENGAMBILAN DAN PERTUKARAN MURID KE SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA, SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
DAN KELAS ALIRAN AGAMA MULAI TAHUN 2024**

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pengambilan dan Pertukaran Murid ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Kelas Aliran Agama (KAA) Mulai Tahun 2024.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan setiap murid berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. SMKA, SABK dan KAA menawarkan pakej mata pelajaran dalam bidang agama dan tafsir kepada semua murid yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh KPM.

3. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dan Pentaksiran Tingkatan 3. Berikutan daripada pemansuhan tersebut, KPM telah memperkenalkan sistem permohonan berpusat secara dalam talian dan kaedah pentaksiran standard ke sekolah khusus, iaitu Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK). Sistem ini memberikan ruang kepada murid untuk memilih sekolah mengikut kecenderungan tanpa terikat dengan sistem berorientasi peperiksaan.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024 bertarikh 29 Februari 2024 telah meluluskan cadangan Garis Panduan Pengambilan dan Pertukaran Murid ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Kelas Aliran Agama Mulai Tahun 2024.

PELAKSANAAN

5. Garis Panduan Pengambilan dan Pertukaran Murid ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Kelas Aliran Agama Mulai Tahun 2024 yang disertakan bersama-sama SPI ini memberi penjelasan tentang tatacara pengambilan murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 serta pertukaran murid dari pelbagai institusi pendidikan ke SMKA, SABK dan KAA.
6. Garis panduan ini disediakan untuk rujukan pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pihak berkuasa agama negeri, lembaga pengelola sekolah atau jemaah pengurusan sekolah serta pengetua dan guru besar sekolah yang berikut:

- 6.1 Sekolah kerajaan;
- 6.2 Sekolah bantuan kerajaan;
- 6.3 Sekolah agama bantuan kerajaan;
- 6.4 Sekolah agama negeri;
- 6.5 Sekolah agama rakyat; dan
- 6.6 Sekolah swasta/persendirian.

7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan garis panduan ini dirujuk dan dipatuhi oleh semua sekolah yang terlibat.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa serta-merta mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, maka SPI, garis panduan, surat pemakluman dan dokumen berikut adalah **terbatal**:

- 9.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2010: Pelaksanaan Dasar Pengambilan dan Pertukaran Murid SMKA dan KAA bertarikh 20 Januari 2010;
- 9.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4 Tahun 2014: Perubahan Syarat Kemasukan dan Pengekalan Murid Tingkatan Empat ke SMKA Mulai 2015 bertarikh 5 Disember 2014;
- 9.3 Surat pemakluman Penyelarasan Semula Dasar Pengekalan Murid ke Tingkatan Empat dan Penetapan Murid ke Aliran Sains di SMKA berdasarkan Keputusan PT3 2014 bertarikh 13 Disember 2014;
- 9.4 Surat pemakluman Garis Panduan Baharu Pelaksanaan Dasar dan Pertukaran Murid Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kelas Aliran Agama Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2018 bertarikh 13 Oktober 2017; dan
- 9.5 Dokumen yang berkaitan dengan pengambilan murid SMKA, SABK dan KAA yang telah dikeluarkan oleh KPM sebelum SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


10. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ Dato'/tuan/ puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PENGAMBILAN DAN PERTUKARAN MURID
KE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA, SEKOLAH
AGAMA BANTUAN KERAJAAN DAN KELAS ALIRAN AGAMA**

MULAI TAHUN 2024

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SENARAI KANDUNGAN

1. Pendahuluan	2
2. Latar Belakang	2
3. Tujuan	4
4. Objektif	5
5. Tafsiran	5
6. Pernyataan Dasar.....	8
7. Pelaksanaan.....	11
8. Syarat Pengambilan Murid Tingkatan 1	12
9. Syarat Pengambilan Murid Tingkatan 4.....	15
10. Pertukaran Murid SMKA, SABK dan KAA.....	18
11. Prosedur Pertukaran Murid.....	21
12. Peranan dan Tanggungjawab.....	22
13. Penutup.....	24
LAMPIRAN A1	25
LAMPIRAN A2	26
LAMPIRAN A3	27
LAMPIRAN A4	28

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah untuk menjelaskan pelaksanaan pengambilan dan pertukaran murid ke sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) dan kelas aliran agama (KAA).
- 1.2 Garis panduan ini adalah selaras dengan keperluan semasa berkaitan dengan prosedur pengambilan murid ke sekolah khusus dengan menggunakan sistem permohonan berpusat secara dalam talian yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 1.3 Selain itu, garis panduan ini juga menjelaskan pengurusan pengambilan murid KAA, dasar pertukaran murid aliran agama dan tahfiz yang dibenarkan oleh KPM dan peranan lembaga pengelola sekolah (LPS) atau jemaah pengurusan sekolah (JPS) dalam menentukan kemasukan murid ke SABK dengan kerjasama jabatan pendidikan negeri (JPN).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 20 Januari 2010, KPM telah mengeluarkan garis panduan tentang dasar dan prosedur pengambilan dan pertukaran murid SMKA dan KAA. Garis panduan ini diwujudkan sebagai panduan pihak JPN dalam merancang dan melaksanakan proses kemasukan ke SMKA dan KAA.

- 2.2 Seterusnya pada 5 Disember 2014, KPM telah mengeluarkan garis panduan baharu berkaitan dengan perubahan syarat kemasukan dan pengekalan murid Tingkatan 4 ke SMKA mulai tahun 2015. Perubahan ini seiring dengan dasar baharu KPM yang memperkenalkan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) bagi menggantikan Penilaian Menengah Rendah.
- 2.3 Pada tahun 2014, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) telah digunakan dalam program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di tiga buah sekolah KPM, iaitu SMKA Kedah, SMKA Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong. Seterusnya bermula pada tahun 2015, KBT dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) telah dilaksanakan sepenuhnya di SABK.
- 2.4 Pada 13 Oktober 2017, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah mengeluarkan surat pemakluman dan garis panduan baharu pelaksanaan dasar pengambilan dan pertukaran murid SMKA dan KAA. Garis panduan ini menjelaskan prosedur yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkepentingan dalam melaksanakan pengambilan dan pertukaran murid SMKA dan KAA.
- 2.5 Pengambilan murid ke SABK adalah tertakluk pada syarat yang ditetapkan oleh LPS atau JPS. Peranan ini merujuk memorandum persefahaman antara Kerajaan Malaysia dengan

LPS atau JPS bagi pendaftaran SABK yang bermula pada tahun 2004. Sehingga kini terdapat 229 buah SABK di seluruh negara.

3. TUJUAN

- 3.1 Garis panduan ini adalah untuk menjelaskan tatacara pengambilan dan pertukaran murid ke SMKA, SABK dan KAA.
- 3.2 Garis panduan ini disediakan untuk rujukan pihak yang berikut:
 - i. bahagian di KPM;
 - ii. jabatan pendidikan negeri;
 - iii. pejabat pendidikan daerah;
 - iv. pihak berkuasa agama negeri/yayasan/agensi berkaitan kerajaan yang terlibat;
 - v. sekolah kerajaan;
 - vi. sekolah bantuan kerajaan;
 - vii. sekolah agama bantuan kerajaan;
 - viii. sekolah agama negeri;
 - ix. sekolah agama rakyat; dan
 - x. sekolah swasta/persendirian.
- 3.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, arahan, peraturan dan garis panduan berkaitan yang sedang berkuat kuasa serta yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

4. OBJEKTIF

Objektif penyediaan garis panduan pengambilan dan pertukaran murid ke SMKA, SABK dan KAA adalah seperti yang berikut:

- 4.1 Menjadi panduan kepada pihak yang terlibat dalam menguruskan proses pengambilan dan pertukaran murid.
- 4.2 Menjelaskan tatacara pengurusan pengambilan dan pertukaran murid yang lebih berstruktur mengikut ketetapan yang disediakan oleh KPM.
- 4.3 Menerangkan dasar yang membolehkan sesuatu pengambilan, pertukaran dan pengekalan murid dibuat pada keadaan tertentu.

5. TAFSIRAN

Tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

- 5.1 **“Institusi pendidikan negeri”** bermaksud sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan dan ditadbir urus oleh kerajaan negeri dan menggunakan kurikulum kebangsaan atau negeri atau menggunakan kurikulum negeri dan kebangsaan selain daripada kurikulum lain.

- 5.2 “**Kurikulum Bersepadu Tahfiz**” bermaksud kurikulum yang digubal berdasarkan kurikulum tahfiz al-Quran dari pelbagai institusi pendidikan Islam. KBT menggabungkan dua komponen mata pelajaran tahfiz al-Quran dengan sebahagian mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah.
- 5.3 “**Kurikulum Bersepadu Dini**” bermaksud penggabungan kurikulum dini/azhari yang dilaksanakan di negeri dan telah diselaraskan dengan kurikulum kebangsaan sedia ada dalam arus perdana.
- 5.4 “**Pengambilan**” bermaksud penerimaan masuk murid ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di SMKA, SABK dan KAA.
- 5.5 “**Pengekalan**” bermaksud murid yang berada di sesebuah sekolah dikekalkan di sekolah tersebut sehingga berhasrat untuk memohon keluar ke sekolah lain.
- 5.6 “**Pertukaran**” bermaksud murid yang bertukar ke SMKA, SABK dan KAA berdasarkan dasar pertukaran yang dibenarkan dalam garis panduan ini.
- 5.7 “**Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus**” bermaksud satu mekanisme saringan pemilihan murid ke sekolah khusus bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4/Tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia.

- 5.8 “***Single Entry Point***” bermaksud sistem permohonan yang menggunakan platform berpusat secara dalam talian bagi kemasukan ke sekolah khusus menggunakan padanan modul pengurusan murid.
- 5.9 “**Sekolah swasta**” atau “**institusi pendidikan swasta**” bermaksud sekolah atau institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan. Sekolah atau institusi pendidikan ini berdaftar dengan KPM yang menggunakan kurikulum kebangsaan serta pakej mata pelajaran KBD atau KBT. Tafsiran ini juga melibatkan sekolah bawah kawal selia pihak berkuasa agama negeri (PBAN).
- 5.10 “**Sekolah khusus**” bermaksud sekolah yang terlibat menggunakan sistem *single entry point* KPM dalam melaksanakan pengambilan murid. Sekolah khusus terdiri daripada sekolah-sekolah berikut:
- i. sekolah berasrama penuh;
 - ii. sekolah menengah kebangsaan agama;
 - iii. sekolah menengah teknik;
 - iv. kolej vokasional; dan
 - v. Maktab Tentera Diraja.

5.11 “**Tahfiz Model Ulul Albab**” bermaksud gabungan kurikulum kebangsaan, KBT dan kokurikulum yang dilaksanakan di SMKA dan sekolah berasrama penuh (SBP) dengan menggunakan tiga pendekatan, iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik.

6. PERNYATAAN DASAR

6.1 Dasar pengambilan murid ke SMKA, SABK dan KAA

Pengambilan murid ke SMKA, SABK dan KAA adalah tertakluk pada syarat yang ditetapkan oleh KPM seperti yang terkandung dalam garis panduan ini.

6.2 Dasar pertukaran ke SMKA, SABK dan KAA

6.2.1 Pertukaran dan penerimaan masuk murid ke SMKA, SABK dan KAA adalah tertakluk pada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah 1998) di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];

6.2.2 Bagi pertukaran dan penerimaan masuk murid warganegara dari sekolah agama kerajaan negeri/sekolah swasta dan belajar semula ke sekolah menengah/rendah kerajaan/bantuan kerajaan hendaklah mengisi borang pertukaran dan penerimaan masuk murid yang boleh dimuat turun secara dalam talian atau diperoleh daripada JPN atau PPD. Borang yang telah lengkap diisi bersama-

sama dokumen sokongan, diserahkan kepada JPN atau PPD untuk urusan selanjutnya;

6.2.3 Dasar pertukaran murid ke SMKA, SABK dan KAA yang dibenarkan adalah berdasarkan penggunaan kurikulum yang sepadan atau setara seperti yang berikut:

- i. pakej mata pelajaran elektif pengajian Islam/KBD kepada pakej mata pelajaran yang sama;
- ii. pakej mata pelajaran KBT kepada pakej mata pelajaran yang sama; dan
- iii. pakej mata pelajaran KBT kepada pakej mata pelajaran elektif pengajian Islam/KBD.

6.2.4 Pertukaran dari pakej mata pelajaran elektif pengajian Islam/KBD kepada pakej mata pelajaran KBT adalah tidak dibenarkan disebabkan oleh perkara yang berikut:

- i. pentaksiran hafazan dilaksanakan secara berterusan bermula Tingkatan 1;
- ii. murid KBT akan melalui aktiviti hafazan bermula pada peringkat awal; dan
- iii. murid akan melalui ujian khas dan temu duga hafazan yang dilaksanakan semasa permohonan ke Tingkatan 1 ke sekolah yang menawarkan pakej mata pelajaran KBT.

6.2.5 Pengambilan dan pertukaran murid aliran tahfiz dari sekolah tahfiz negeri/swasta/persendirian yang menggunakan kurikulum tahfiz negeri/persendirian dibenarkan ke sekolah KPM yang menawarkan pakej mata

pelajaran KBT berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh KPM.

6.3 Dasar permohonan rayuan ke SMKA, SABK dan KAA

- 6.3.1 Permohonan rayuan pertama ke SMKA dilaksanakan secara dalam talian melalui pautan sistem yang disediakan oleh KPM;
- 6.3.2 Pengambilan calon rayuan seterusnya dikelolakan oleh JPN bersumberkan data rayuan murid yang menduduki Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK);
- 6.3.3 Pemilihan calon rayuan ke SMKA yang menawarkan TMUA akan diselaraskan oleh BPI bersama-sama dengan JPN;
- 6.3.4 Permohonan rayuan dan keputusan rayuan bagi SABK hendaklah diuruskan oleh LPS atau JPS dengan kerjasama JPN dan/atau PPD; dan
- 6.3.5 Permohonan rayuan dan keputusan rayuan bagi KAA hendaklah diuruskan oleh JPN atau PPD.

6.4 Dasar pengekalan murid di SMKA, SABK dan KAA

Murid yang diterima masuk ke SMKA, SABK dan KAA akan kekal berada di sekolah tersebut untuk memberikan peluang kepada murid meningkatkan keupayaan pembelajaran dalam aliran agama atau tahfiz. Walau bagaimanapun, ibu bapa/penjaga boleh memohon pertukaran ke sekolah lain atas sebab-sebab tertentu mengikut prosedur yang ditetapkan oleh KPM.

7. Pelaksanaan

7.1 Pengambilan murid ke SMKA

- 7.1.1 Pengambilan murid ke SMKA melibatkan pengambilan murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 daripada pelbagai jenis sekolah; dan
- 7.1.2 Calon yang memilih ke SMKA hendaklah melalui permohonan kemasukan yang telah ditetapkan oleh KPM. Carta alir bagi permohonan pengambilan murid ke SMKA adalah seperti pada **lampiran A1** dan SMKA yang melaksanakan TMUA seperti pada **lampiran A2**.

7.2 Pengambilan murid ke SABK

Pengambilan murid ke SABK dilaksanakan oleh LPS atau JPS seperti yang terkandung dalam memorandum persefahaman bagi pendaftaran SABK. Pihak JPN atau PPD juga boleh dilibatkan secara langsung dalam menentukan kaedah dan sistem pengambilan murid ke SABK yang lebih berstruktur. Cadangan carta alir bagi permohonan pengambilan murid ke SABK adalah seperti pada **lampiran A3**.

7.3 Pengambilan murid ke KAA

- 7.3.1 Pengambilan murid Tingkatan 1 aliran KAA melalui permohonan secara berpusat dalam sistem yang dikelolakan oleh KPM. Penawaran, penempatan dan permohonan rayuan akan diuruskan oleh JPN atau PPD;

- 7.3.2 JPN atau PPD akan membuat penyelarasan penempatan KAA berdasarkan permohonan yang telah dibuat melalui sistem atau secara manual bagi permohonan murid dari institusi pendidikan negeri/swasta;
- 7.3.3 Pengambilan murid aliran KAA Tingkatan 4 melalui prosedur permohonan dan penawaran yang diuruskan oleh JPN atau PPD; dan
- 7.3.4 Carta alir bagi permohonan pengambilan murid ke KAA adalah seperti pada **lampiran A4**.

8. Syarat Pengambilan Murid Tingkatan 1

8.1 SMKA

Syarat pengambilan murid Tingkatan 1 ke SMKA adalah seperti yang berikut:

8.1.1 Syarat umum

- i. warganegara Malaysia;
- ii. mencapai aras toleransi PKSK;
- iii. berpotensi cemerlang dalam bidang akademik; dan
- iv. aktif dalam kegiatan kokurikulum.

8.1.2 Syarat khusus

- i. memperoleh tahap penguasaan minimum (Tahap Penguasaan 3) dalam semua mata pelajaran;
- ii. keutamaan diberikan kepada murid yang memiliki laporan pencapaian program j-QAF atau sijil Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK); dan/ atau

- iii. menduduki Ujian Kelayakan Tahfiz (UKT) dan lulus dengan cemerlang (bagi permohonan ke SMKA yang melaksanakan TMUA); dan
- iv. prosedur pengambilan murid Tingkatan 1 ke SMKA adalah melalui permohonan secara dalam talian yang dilaksanakan secara berpusat;

8.1.3 Keputusan

Keputusan permohonan ke SMKA adalah seperti yang berikut:

- i. permohonan yang berjaya boleh disemak dalam pautan sistem yang ditentukan oleh KPM;
- ii. permohonan yang tidak berjaya boleh mengemukakan rayuan secara dalam talian melalui pautan sistem yang disediakan oleh KPM; dan
- iii. sekiranya rayuan pertama tidak berjaya, permohonan rayuan seterusnya hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pendidikan JPN.

8.1.4 Pendaftaran

- i. murid perlu mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan dalam surat tawaran; dan
- ii. murid dianggap menolak tawaran sekiranya gagal mendaftar dalam tempoh lima hari bekerja melalui apa-apa saluran dari tarikh pendaftaran.

8.2 SABK

- 8.2.1 Syarat pengambilan murid Tingkatan 1 ke SABK adalah tertakluk pada ketetapan LPS atau JPS dengan kerjasama JPN dan/atau PPD;
- 8.2.2 Prosedur pengambilan murid Tingkatan 1 ke SABK adalah tertakluk pada sistem pengambilan yang ditetapkan oleh LPS/JPS/JPN;
- 8.2.3 Permohonan rayuan dan keputusan rayuan bagi SABK hendaklah diuruskan oleh LPS atau JPS dengan kerjasama JPN dan/atau PPD; dan
- 8.2.4 Murid dikehendaki mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan dalam surat tawaran dan murid dianggap menolak tawaran sekiranya gagal mendaftar dalam tempoh lima hari bekerja melalui apa-apa saluran dari tarikh pendaftaran.

8.3 KAA

- 8.3.1 Syarat kemasukan murid ke KAA berdasarkan ketetapan oleh JPN;
- 8.3.2 Prosedur pengambilan murid Tingkatan 1 aliran KAA adalah melalui sistem yang dikelolakan oleh KPM dan diselaraskan pada peringkat JPN/PPD. Permohonan rayuan dan keputusan rayuan bagi KAA hendaklah diuruskan oleh JPN/PPD;
- 8.3.3 Penempatan murid ke KAA diselaraskan oleh JPN/PPD berdasarkan kekosongan enrolmen murid di sekolah terlibat;

- 8.3.4 Murid dikehendaki mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan dalam surat tawaran; dan
- 8.3.5 Murid dianggap menolak tawaran sekiranya gagal mendaftar dalam tempoh lima hari bekerja melalui apa-apa saluran dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan.

9. Syarat Pengambilan Murid Tingkatan 4

9.1 SMKA

9.1.1 Syarat umum

- i. warganegara Malaysia;
- ii. mencapai aras toleransi PKSK;
- iii. berpotensi cemerlang dalam bidang akademik; dan
- iv. aktif dalam kegiatan kokurikulum.

9.1.2 Syarat khusus

- i. memperoleh tahap penguasaan minimum (Tahap Penguasaan 3) dalam semua mata pelajaran; dan
- ii. mengikuti mata pelajaran Bahasa Arab/al-Lughah al-`Arabiah al-Mu`asirah pada peringkat menengah rendah dan mendapat keputusan cemerlang; dan/atau
- iii. bagi permohonan ke SMKA yang melaksanakan TMUA adalah seperti yang berikut:
 - a. lulus UKT dan menghafaz sekurang-kurangnya 18 juzuk;
 - b. mengikuti KBT pada peringkat menengah rendah;

- c. memiliki pelaporan PBD yang lengkap bagi mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran; dan
- d. memiliki rekod prestasi hafazan yang dijana melalui sistem perekodan hafazan murid.

9.1.3 Prosedur permohonan kemasukan murid Tingkatan 4 ke SMKA adalah seperti yang berikut:

- i. permohonan secara dalam talian yang dilaksanakan secara berpusat; atau
- ii. perkara 9.1.3 (i.) adalah tidak terpakai untuk pengekalan murid ke Tingkatan 4 di sekolah sedia ada.

9.1.4 Keputusan permohonan ke SMKA adalah seperti yang berikut:

- i. permohonan yang berjaya boleh disemak dalam pautan sistem yang disediakan oleh KPM;
- ii. permohonan yang tidak berjaya boleh mengemukakan rayuan secara dalam talian melalui pautan sistem yang disediakan oleh KPM; dan
- iii. sekiranya rayuan pertama tidak berjaya, permohonan rayuan seterusnya hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pendidikan JPN.

9.1.5 Pendaftaran

- i. murid dikehendaki mendaftar diri pada tarikh yang telah ditetapkan dalam surat tawaran; dan
- ii. murid dianggap menolak tawaran sekiranya gagal mendaftar diri dalam tempoh lima hari bekerja

melalui apa-apa saluran dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan.

9.2 SABK

- 9.2.1 Syarat pengambilan murid Tingkatan 4 ke SABK adalah tertakluk pada ketetapan pihak LPS atau JPS dengan kerjasama JPN dan PPD;
- 9.2.2 Prosedur pengambilan murid Tingkatan 4 ke SABK juga adalah tertakluk pada sistem pengambilan yang ditetapkan oleh LPS/JPS/JPN;
- 9.2.3 Permohonan rayuan dan keputusan rayuan bagi SABK hendaklah diuruskan oleh LPS/JPS/JPN; dan
- 9.2.4 Murid dikehendaki mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan dalam surat tawaran dan murid dianggap menolak tawaran sekiranya gagal mendaftar dalam tempoh lima hari bekerja melalui apa-apa saluran dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan.

9.3 KAA

- 9.3.1 Syarat kemasukan murid Tingkatan 4 ke KAA berdasarkan ketetapan oleh JPN;
- 9.3.2 Pengambilan murid ke Tingkatan 4 aliran KAA diuruskan oleh JPN/PPD berdasarkan syarat yang ditetapkan;
- 9.3.3 Permohonan rayuan dan keputusan rayuan bagi KAA hendaklah diuruskan oleh JPN/PPD;

- 9.3.4 Penawaran dan penempatan murid ke KAA akan diselaraskan oleh JPN/PPD berdasarkan kekosongan enrolmen murid di sekolah yang terlibat; dan
- 9.3.5 Murid dikehendaki mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan dalam surat tawaran dan murid dianggap menolak tawaran sekiranya gagal mendaftar dalam tempoh lima hari bekerja melalui apa-apa saluran dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan.

10. Pertukaran Murid SMKA, SABK dan KAA

Pertukaran murid yang dibenarkan tertakluk pada kekosongan enrolmen murid di sekolah tersebut. Pertukaran murid juga mengambil kira pelaksanaan kurikulum yang sepadan atau setara serta pakej mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah seperti yang berikut:

10.1 Murid SMKA

- i. pertukaran murid SMKA ke SMKA dalam dan antara negeri;
- ii. pertukaran murid SMKA ke KAA dalam dan antara negeri; dan
- iii. pertukaran murid SMKA ke SABK aliran Dini (KBD) dalam dan antara negeri dengan mengambil kira syarat yang ditetapkan oleh LPS atau JPS dengan kerjasama JPN/PPD.

10.2 Murid SMKA yang melaksanakan TMUA

- i. pertukaran murid SMKA yang melaksanakan TMUA ke SMKA yang melaksanakan TMUA dalam dan antara negeri;
- ii. pertukaran murid SMKA yang melaksanakan TMUA ke SMKA dalam dan antara negeri;
- iii. pertukaran murid SMKA yang melaksanakan TMUA ke SABK aliran Tahfiz (KBT) dalam dan antara negeri dengan mengambil kira syarat yang ditetapkan oleh LPS atau JPS dengan kerjasama JPN/PPD;
- iv. pertukaran murid SMKA yang melaksanakan TMUA ke SABK aliran Dini (KBD) dalam dan antara negeri dengan mengambil kira syarat yang ditetapkan oleh LPS/JPS/JPN; dan
- v. pertukaran murid SMKA yang melaksanakan TMUA ke KAA dalam dan antara negeri.

10.3 Murid SABK aliran Dini (KBD)

- i. pertukaran murid SABK aliran Dini (KBD) ke SABK aliran Dini (KBD) dalam dan antara negeri;
- ii. pertukaran murid SABK aliran Dini (KBD) ke SMKA dalam dan antara negeri; dan
- iii. pertukaran murid SABK aliran Dini (KBD) ke KAA dalam dan antara negeri.

10.4 Murid SABK aliran Tahfiz (KBT)

- i. pertukaran murid SABK aliran Tahfiz (KBT) ke SABK aliran Tahfiz (KBT) dalam dan antara negeri;
- ii. pertukaran murid SABK aliran Tahfiz (KBT) ke SMKA yang melaksanakan TMUA dalam dan antara negeri;
- iii. pertukaran murid SABK aliran Tahfiz (KBT) ke SMKA dalam dan antara negeri;
- iv. pertukaran murid SABK aliran Tahfiz (KBT) ke SABK aliran Dini (KBD) berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh LPS atau JPS dengan kerjasama JPN/PPD; dan
- v. pertukaran murid SABK aliran Tahfiz (KBT) ke KAA dalam dan antara negeri.

10.5 Murid KAA

- i. pertukaran murid KAA ke sekolah yang menawarkan aliran KAA dalam dan antara negeri;
- ii. pertukaran murid KAA ke SMKA dalam dan antara negeri; dan
- iii. pertukaran murid KAA ke SABK aliran Dini (KBD) dalam dan antara negeri dengan mengambil kira syarat yang ditetapkan oleh LPS atau JPS dengan kerjasama JPN/PPD.

10.6 Murid dari sekolah/ institusi pendidikan swasta/ persendirian/ institusi pendidikan luar KPM

- i. pertukaran murid dari sekolah/ institusi pendidikan swasta/ persendirian/ institusi pendidikan luar KPM ke SMKA/ KAA/

- SABK aliran Dini (KBD) dengan syarat murid mengambil mata pelajaran yang berkaitan dengan bahasa Arab dan tahfiz (bagi permohonan ke SMKA yang melaksanakan TMUA/SABK aliran Tahfiz (KBT);
- ii. pertukaran murid dari sekolah/ institusi pendidikan swasta/ persendirian/ institusi pendidikan luar KPM ke SMKA/SMKA yang melaksanakan TMUA perlu melepassi syarat pengambilan murid yang ditetapkan oleh KPM;
 - iii. pertukaran murid dari sekolah/ institusi pendidikan swasta/ persendirian/ institusi pendidikan luar KPM ke SABK perlu melepassi syarat pengambilan yang ditetapkan oleh LPS atau JPS dengan kerjasama JPN/PPD; dan
 - iv. pertukaran murid dari sekolah/ institusi pendidikan swasta/ persendirian/ institusi pendidikan luar KPM ke KAA perlu melepassi syarat pengambilan murid yang ditetapkan oleh JPN/PPD.

11. Prosedur Pertukaran Murid

- 11.1 Mengisi borang Jadual Ketiga, Permohonan untuk Bertukar Sekolah oleh Murid Warganegara (5 salinan); atau
- 11.2 Mengisi borang Permohonan Kemasukan Murid dari Sekolah Agama Kerajaan Negeri/Sekolah Swasta dan Belajar Semula ke Sekolah Menengah/Rendah Kerajaan/Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (3 salinan);
- 11.3 Borang pertukaran hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan dokumen sokongan seperti yang berikut:

- i. surat nikah ibu/ bapa/ penjaga;
- ii. perintah mahkamah hak penjagaan anak jika ibu bapa bercerai;
- iii. salinan sijil kelahiran/surat daftar anak angkat;
- iv. salinan kad pengenalan murid dan ibu/ bapa/ penjaga;
- v. salinan keputusan peperiksaan akhir tahun/Pelaporan PBD, PAJSK dan PPsi; dan
- vi. surat akuan sekolah.

(Catatan: Semua dokumen hendaklah disahkan oleh guru besar/pengetua sekolah/pegawai di PPD/JPN); dan

11.4 Sekolah hendaklah menghantar borang permohonan pertukaran dalam negeri dan antara negeri yang lengkap ke JPN/PPD.

12. Peranan dan Tanggungjawab

12.1 BPI bertanggungjawab untuk:

- i. menyediakan dokumen dasar pengambilan dan pertukaran murid SMKA, SABK dan KAA;
- ii. memantau dan menilai pematuhan dasar pengambilan dan pertukaran murid SMKA, SABK dan KAA;
- iii. mengeluarkan surat tawaran kepada murid yang berjaya ke SMKA melalui sistem yang dikelolakan oleh KPM;
- iv. mengurus permohonan rayuan ke SMKA melalui sistem yang dikelolakan oleh KPM;
- v. mengurus dan mengawal pemilihan calon murid ke SMKA;
- vi. menyelaras pemilihan dan penempatan calon rayuan yang berjaya ke SMKA bersama-sama JPN; dan

vii. menyelaraskan penyediaan soalan UKT.

12.2 JPN bertanggungjawab untuk:

- i. melaksanakan dan menyelaras proses permohonan dan pengambilan calon rayuan murid ke SMKA;
- ii. mengeluarkan surat tawaran kepada murid yang berjaya dalam rayuan ke SMKA;
- iii. melaksanakan dan menyelaras proses permohonan dan pengambilan rayuan murid KAA bersama-sama PPD;
- iv. mengeluarkan surat tawaran murid yang berjaya ke aliran KAA dengan kerjasama PPD; dan
- v. bekerjasama dengan LPS atau JPS bagi pelaksanaan pengambilan dan pertukaran murid SABK.

12.3 PPD bertanggungjawab untuk membantu JPN dalam proses permohonan, pengambilan, pemilihan, pertukaran dan rayuan murid ke sekolah yang terlibat.

12.4 LPS atau JPS bertanggungjawab untuk:


- i. menentukan syarat dan mekanisme pengambilan murid ke SABK dengan kerjasama JPN/PPD; dan
- ii. bekerjasama dengan pihak sekolah dalam memastikan enrolmen murid mengikut keperluan sekolah.

13. Penutup

Garis panduan ini hendaklah dijadikan rujukan utama untuk melaksanakan pengurusan pengambilan dan pertukaran murid ke SMKA, SABK dan KAA. KPM berharap dengan adanya garis panduan ini, pengurusan pengambilan dan pertukaran murid dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.


LAMPIRAN A1

**CARTA ALIR
PROSES PERMOHONAN KEMASUKAN MURID
KE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA**




LAMPIRAN A2

**CARTA ALIR
PROSES PERMOHONAN KEMASUKAN MURID
KE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA
TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA)**



LAMPIRAN A3

CARTA ALIR PENGAMBILAN MURID SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)



LAMPIRAN A4

CARTA ALIR PENGAMBILAN MURID KELAS ALIRAN AGAMA (KAA)

